

KETERANGAN KANAK-KANAK - KENAPA? TIDAK PERCAYA KE?

memerlukan pertulangan di sekolah untuk mendidik dan mengajar yang baik.

Jal Zabdi Mohd Yusoff¹

Pernyataan Masalah

Abstrak

Jenayah seksual terhadap merupakan jenayah yang paling sukar dibuktikan kerana atas satu sebab yang nyata iaitu pada kebiasaannya tidak ada pihak lain yang melihat jenayah berkenaan dilakukan. Keadaan akan menjadi lebih sukar jika mangsanya adalah kanak-kanak. Pada kebiasaannya, keterangan utama di dalam kes penderaan seksual kanak-kanak adalah daripada mangsa sahaja. Apabila kanak-kanak menjadi saksi utama, maka itu berkenaan dengan kredibiliti kanak-kanak sering ditimbulkan. Sekiranya tertuduh mengaku salah melakukan perbuatan berkenaan, maka hukuman boleh dijatuhkan. Walau bagaimanapun, terdapat kes-kes di mana tertuduh tidak mengaku salah dan kes tersebut terpaksa dibicarakan. Pada kebiasaannya, apabila kes berkenaan dibicarakan, itu utama yang sering dibangkitkan oleh pihak pembelaan adalah kredibiliti kanak-kanak berkenaan sebagai saksi. Persoalannya ialah adakah kanak-kanak merupakan saksi yang tidak boleh dipercayai? Adakah kanak-kanak suka mereka-reka cerita? Adakah kanak-kanak suka berfantasi dan tidak dapat membezakan dengan sesuatu yang realiti? Oleh itu, penulisan ini cuba menjawab persoalan-persoalan yang ditimbulkan berdasarkan kepada keadaan semasa termasuklah perkembangan undang-undang yang sama di beberapa bidang kuasa yang lain.

Pengenalan

Di dalam undang-undang keterangan, sesuatu fakta yang hendak dikemukakan akan dibuat menerusi saksi. Pada amnya, semua orang adalah saksi yang kompeten untuk memberi keterangan di mahkamah kecuali mereka yang tidak berkeupayaan untuk memberi keterangan akibat faktor umur atau kesihatan.² Keterangan oleh seorang saksi sahaja adalah memadai di dalam sesuatu kes untuk membuktikan sesuatu fakta.³ Walau bagaimanapun, sebagai satu kaedah undang-undang dan juga amalan, bagi beberapa kategori saksi,⁴ jika mereka memberi keterangan, perlu terdapat keterangan bebas⁵ yang lain yang menyokong keterangan mereka.⁶ Di antara kategori saksi yang keterangan mereka perlu disokong oleh keterangan bebas lain adalah mangsa kesalahan seksual, rakan sejenayah, saksi berkepentingan dan juga kanak-kanak. Ini

¹ Pensyarah, Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya

² Seksyen 118 Akta Keterangan 1950 (Akta 56)

³ Seksyen 134 Akta Keterangan 1950 (Akta 56)

⁴ Menurut Hakim S. Augustine Paul di dalam kes *Aziz bin Muhamad Din v Public Prosecutor [1996] 5 MLJ 473*

Generally in Malaysia there is no specific rule of law that requires the evidence of a witness to be corroborated except in the case of the evidence of a child of tender years under s 133A of the Act. However, in certain types of cases there is a rule of practice which requires evidence to be corroborated.

⁵ 'Keterangan bebas' bermaksud apabila seorang saksi yang keterangannya perlu disokong memberi keterangan di mahkamah, terdapat keterangan lain diberikan untuk menguatkan atau mengesahkan keterangan saksi berkenaan. Lihat Jal Zabdi Mohd Yusoff, *Pengenalan Undang-Undang Keterangan di Malaysia*, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 2003 di muka surat 227.

⁶ Lihat juga kes *Attan Abdul Ghani v Public Prosecutor [1970] 2 MLJ 143*.

bermakna, apabila saksi-saksi ini memberi keterangan, maka keterangan mereka perlulah di sokong oleh keterangan material yang lain.

Pernyataan Masalah

Di antara kes jenayah yang sering kali melibatkan kanak-kanak sebagai saksi adalah kes rogol atau sumbang mahram di mana kanak-kanak berkenaan sama ada menjadi mangsa ataupun mereka melihat kejadian berkenaan berlaku.⁷ Pada kebiasaannya, jenayah seksual seperti rogol dan sumbang mahram berlaku di tempat yang tertutup dan tidak dapat dilihat oleh pihak lain. Ini bermakna, tidak terdapat saksi lain yang melihat kejadian rogol atau sumbang mahram yang berlaku itu. Oleh itu, pihak pendakwa terpaksa membina kes mereka berdasarkan kepada keterangan mengikut keadaan (circumstantial evidence), keterangan daripada kanak-kanak yang menjadi mangsa dan juga lain-lain keterangan untuk menyokong kesimpulan bahawa tertuduh telah melakukan jenayah berkenaan. Keterangan daripada pihak lain seperti ibu bapa, rakan atau polis sekiranya bersumberkan kanak-kanak yang menjadi mangsa merupakan keterangan sokongan yang lemah.⁸ Keterangan pihak-pihak ini juga akan terjejas sekiranya kredibiliti kanak-kanak yang menjadi saksi itu tercabar. Apabila keterangan saksi kanak-kanak ini tercabar, maka tiada lagi keterangan yang kukuh terhadap tertuduh dan beliau akan terlepas.⁹

Apabila kanak-kanak menjadi saksi utama, maka isu berkenaan dengan kredibiliti kanak-kanak sering ditimbulkan terutama sekiranya kanak-kanak itu adalah sangat muda.¹⁰ Persoalannya ialah adakah kanak-kanak merupakan saksi yang tidak boleh dipercayai? Adakah kanak-kanak suka mereka-reka cerita? Adakah kanak-kanak suka berfantasi dan tidak dapat membezakan dengan sesuatu yang realiti? Sebelum seksyen 133A Akta Keterangan 1950 diperkenalkan, keterangan kanak-kanak sama ada di atas sumpah atau tidak bersumpah adalah sama dengan keterangan rakan sejenayah.¹¹ Di dalam kes *Lee Mion @ Lee Miow v Public Prosecutor of Johore*,¹² mahkamah menyatakan:

It appears to me, however, in the absence from our law of any statutory provision corresponding to that in force in England, the acceptance of unsworn evidence of a child should subject to the same principles or

⁷ Di dalam kes *Sidek bin Ludan v Public Prosecutor* [1995] 3 MLJ 178, terdapat tiga orang kanak-kanak yang menjadi saksi iaitu kanak-kanak yang menjadi mangsa dan dua orang kanak-kanak yang melihat kejadian rogol yang berlaku.

⁸ Lihat seksyen 157 Akta Keterangan 1950 (Akta 56) dan juga kes *Aziz bin Muhamad Din v Public Prosecutor* [1996] 5 MLJ 473.

⁹ J.R. Spencer dan Rhona Flin, *Evidence of Children: The Law and Psychology*, London, Blackstone Press Ltd, 1990 di muka surat 55.

¹⁰ Menurut Mohammad Akram, 'Evidence of Children in Child Abuse Cases in Malaysia: A Plea For Reform' [1996] 3 CLJ liii:

In most cases where a crime is committed against a child, such child may be the only eye witness, but in the absence of any other witness, such child's testimony is not enough to convict the perpetrator of the crime.

¹¹ Misalan (b) kepada seksyen 114 Akta Keterangan 1950 (Akta 56) memperuntukkan anggapan bahawa seorang rakan sejenayah sememangnya tidak boleh dipercayai melainkan jika disokong oleh keterangan lain yang material.

¹² [1934] 1 MLJ 124

rules of practice as apply to the acceptance of the evidence of an accomplice.

Pada tahun 1960, Mahkamah Rayuan di dalam kes *Chao Chong & Anor v Public Prosecutor*¹³ menyatakan:

The evidence of a child must be regarded with suspicion because it is a matter of common knowledge that children at times find it difficult to distinguish between reality and fantasy. They find it difficult to after a lapse of time to distinguish between the results of observation and the result of imagination.

Manakala pada tahun 2005, ‘kata-kata hikmat’ di dalam kes *Chao Chong*¹⁴ sekali lagi dipetik oleh mahkamah atasan bahawa kanak-kanak tidak dapat membezakan di antara fantasi dan realiti.¹⁵

Kedudukan Semasa

Seksyen 133A Akta Keterangan 1950 (Akta 56) yang diperkenalkan pada tahun 1971 memperuntukkan:¹⁶

Jika, dalam sesuatu prosiding terhadap seseorang kerana sesuatu kesalahan, seseorang kanak-kanak yang masih muda¹⁷ yang dipanggil sebagai saksi adalah pada pendapat mahkamah tidak faham apa sebenarnya suatu sumpah itu, keterangannya boleh diterima, walau pun diberi dengan tidak mengangkat sumpah, jika, pada pendapat mahkamah, dia telah cukup akal bagi membolehkan keterangannya diterima, dan dia faham tentang kewajipan bercakap benar; dan keterangannya, walaupun diberi dengan tidak mengangkat, jika, pada pendapat mahkamah, dia telah cukup akal bagi membolehkan keterangannya diterima, dan dia faham tentang kewajipan untuk bercakap benar; dan keterangannya, walaupun diberi dengan tidak mengangkat sumpah, tetapi sebaliknya diambil dan dituliskan menurut seksyen 269 Kanun Prosedur Jenayah bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu hendaklah disifatkan sebagai suatu deposisi dalam erti seksyen itu;

Dengan syarat bahawa, jika keterangan yang diterima menurut seksyen ini diberi bagi pihak pendakwa, tertuduh itu tidak boleh disabitkan atas kesalahan itu melainkan jika keterangan itu disokong dengan keterangan-keterangan material lain yang menyokong keterangan tersebut dan menyokongnya.

¹³ [1960] MLJ 238

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ Lihat kes *Public Prosecutor v Richard Devadasan a/l Sabariah* [2005]3 MLJ 17.

¹⁶ Dimasukkan melalui PU(A) 126/1971 dan berkuat kuasa mulai 1 November 1971.

¹⁷ Tekanan diberikan.

Mahkamah di dalam kes *Sidek bin Ludan v Public Prosecutor*,¹⁸ telah menerangkan dengan jelas kedudukan undang-undang berkenaan keterangan oleh kanak-kanak selepas pindaan pada tahun 1971 itu. Menurut mahkamah:

The effect of this amendment is far reaching. The proviso to s 133A of the Act in simple terms means this: A conviction cannot stand on the uncorroborated evidence of an unsworn child witness. It is insufficient for the trial court to merely administer a warning on the dangers of so convicting as the amendment now makes it a rule of law, more explicitly, that the evidence of an unsworn child witness shall be corroborated (*PP v Mohd Noor bin Abdullah* [1992] 1 CLJ 702). This amendment distinguishes between the testimony of a sworn and an unsworn child witness. In the case of a sworn child witness the old rule of prudence applies, viz, the need to give an exhaustive warning on the dangers of convicting on such uncorroborated evidence. Whereas in the case of an unsworn child witness, s 133A of the Act applies.

Berdasarkan kepada seksyen 133A Akta Keterangan 1950 (Akta 56) dan petikan kes *Sidek bin Ludan*¹⁹ di atas, dapat disimpulkan bahawa terdapat dua proses yang perlu dilalui sebelum seorang kanak-kanak yang masih muda boleh dibenarkan untuk memberi keterangan di atas sumpah. Pertama, mahkamah hendaklah menjalankan *pleiminary enquiry* bagi menentukan kemampuan kanak-kanak yang masih muda ini memberi keterangan.²⁰ Kegagalan untuk menjalankan *preliminary inquiry* untuk menentukan keupayaan kanak-kanak memberi keterangan boleh menyebabkan sabitan diketepikan.²¹ Kedua, sekiranya mahkamah mendapati kanak-kanak ini berkemampuan untuk memberi keterangan, maka mahkamah harus menentukan sama ada kanak-kanak ini memahami erti sumpah yang akan diambil atau sebaliknya. Di dalam kes *Pendakwaraya v Gurdial Singh a/l Pretum Singh*,²² sungguhpun mahkamah berpendapat saksi kanak-kanak yang berumur 9 tahun itu mempunyai kebijaksanaan yang mencukupi bagi menerima keterangannya tetapi kanak-kanak berkenaan tidak dibenarkan untuk memberi keterangan di atas sumpah kerana dikhawatir tidak memahami implikasi sumpah yang perlu diambil. Pada masa yang sama, mahkamah juga menekankan tentang faktor umur kanak-kanak tersebut yang masih muda.²³

Sekiranya, mahkamah memutuskan bahawa kanak-kanak tersebut tidak berkeupayaan untuk memahami erti sumpah, maka beliau akan memberi keterangan tanpa sumpah. Implikasi kepada keputusan ini ialah tertuduh tidak

¹⁸ Lihat nota 6. Mahkamah di dalam kes *Pendakwaraya v Gurdial Singh a/l Pretum Singh* [2002] MLJU 429 menyatakan :

The effect of this amendment [s 133A], particularly the proviso therein, is that a conviction cannot stand on the uncorroborated evidence of an unsworn child witness

¹⁹ Lihat nota 6.

²⁰ Lihat kes *Muharam bin Anson v Public Prosecutor* [1981] MLJ 222.

²¹ Di dalam kes *Yusaini bin Mat Adam v Public Prosecutor* [1999] 3 MLJ 582, sabitan mahkamah perbicaraan telah diketepikan oleh Mahkamah Tinggi kerana kegagalan mahkamah perbicaraan untuk menjalankan *pleiminary enquiry* bagi menentukan keupayaan kanak-kanak berkenaan memberi keterangan.

²² [2002] MLJU 429

²³ cf *Sidek bin Ludan v Public Prosecutor*. Lihat nota 6.

boleh disabitkan dengan pertuduhan kecuali keterangan kanak-kanak berkenaan disokong oleh keterangan material yang lain. Di antara keterangan material lain boleh berupa keterangan daripada ibu bapa, pegawai perubatan atau saksi-saksi lain. Sekiranya kanak-kanak berkenaan di dapati memahami erti sumpah, maka beliau boleh memberi keterangan di atas sumpah. Ini bermakna, bagi ‘kanak-kanak yang muda’ terdapat dua keperluan yang perlu dipenuhi sebelum keterangan tanpa sokongan mereka boleh digunakan untuk mensabitkan seorang tertuduh.

Bagi menentukan sama ada seseorang kanak-kanak itu mampu atau sebaliknya untuk memahami erti sumpah yang di ambil, mahkamah di Malaysia menumpukan kepada umur kanak-kanak itu. Di dalam kes *Pendakwaraya v Gurdial Singh a/l Pretum Singh*,²⁴ saksi kanak-kanak yang berusia 9 tahun yang walaupun di dapati mempunyai keupayaan memberi keterangan dan seorang kanak-kanak yang bijak berdasarkan pemerhatian mahkamah tidak dibenarkan untuk memberi keterangan atas sumpah atas faktor umur. Menurut mahkamah:

Shaun showed that he was able to understand questions put to him and give rational answers, that he was possessed of sufficient intelligence to justify the reception of his evidence, and that he was able to understand the duty of telling the truth. Shaun said that an oath meant that “he must tell the truth, and not tell lies or cheat”. Shaun said that he understood each word in the oath. Nonetheless, the court was of the opinion that Shaun ought not to give his evidence on oath, by reason of his tender age. It is not easy to put a finger on it, but the witness oath, even if it is not a religious asseveration, is still a most solemn promise with all the undertones of an appeal to a higher order as witness, to speak the truth. An oath is a grave and solemn matter. But Shaun, for all his precocity, was still raw leather. The taking of an oath by a child of 9 years, who would not reasonably have had the maturity to understand the true nature of an oath, would have made a burlesque of that which is most solemn. Shaun was not admitted to give his evidence on oath.

Di dalam kes *Kesavan a/l Senderan v Public Prosecutor*,²⁵ hujah pihak pembela bahawa keterangan mangsa yang berumur 15 tahun semasa kejadian perhubungan seks luar tabii berlaku dan 16 tahun ketika perlu disokong oleh keterangan material yang lain telah ditolak oleh mahkamah. Menurut mahkamah:

It is the age of the witness appearing in Court that is the basis of determination whether he could be sworn or not.

Di dalam kes *Sidek bin Ludan*,²⁶ tiga orang kanak-kanak yang menjadi saksi itu telah dibenarkan memberi keterangan di atas sumpah walaupun masing-masing

²⁴ Lihat nota 21.

²⁵ [1998] MLJU 375

²⁶ Lihat nota 6.

hanya berumur 8, 9 dan 10 tahun pada masa memberi keterangan di mahkamah. Mahkamah di dalam kes *Sidek bin Ludan*²⁷ menyatakan:

It must be borne in mind that an infant of any age may be sworn as a witness in any criminal case, provided that such infant appears sufficiently to understand the nature and moral obligation of an oath or understand the duty of speaking the truth. In my judgment, competency depends not upon its age, but upon its understanding.

Walau bagaimanapun, di dalam kes ini, mahkamah masih memastikan bahawa keterangan saksi-saksi kanak-kanak ini disokong oleh keterangan-keterangan lain seperti oleh pegawai perubatan.

Siapakah ‘Kanak-Kanak Yang Masih Muda’?

Seksyen 133A Akta Keterangan 1950 (Akta 56) dengan jelas mengenakan sekatan ke atas keterangan oleh ‘kanak-kanak yang masih muda’. Persoalannya ialah siapakah ‘kanak-kanak yang masih muda’?²⁸ Akta Keterangan 1950 (Akta 56) tidak mendefinisikan siapakah ‘kanak-kanak yang masih muda’. Ketiadaan definisi ‘kanak-kanak yang masih muda’ mungkin disebabkan oleh kesukaran untuk memberi satu umur yang khusus. Sebagai contoh, di dalam kes *Sidek bin Ludan*,²⁹ saksi kanak-kanak berumur 8,9 dan 10 tahun telah dibenarkan memberi keterangan di atas sumpah. Di dalam kes *Yusaini bin Mat Adam v Public Prosecutor*,³⁰ mahkamah berpendapat kanak-kanak yang berumur 11 tahun adalah ‘kanak-kanak yang masih muda’. Manakala di dalam kes di dalam kes *Public Prosecutor v Richard Devadasan a/l Sabariah*,³¹ saksi yang berumur 13 tahun semasa memberi keterangan (beliau berumur 11 ½ tahun semasa kejadian berlaku) adalah ‘kanak-kanak yang masih muda’. Manakala di dalam kes *Tham Kai Yau & Ors v Public Prosecutor*³² saksi kanak-kanak yang berusia 14 tahun semasa memberi keterangan (beliau berumur 13 tahun pada masa kejadian) bukan lagi ‘kanak-kanak yang masih muda’. Di England, kedudukan mengenai siapakah kanak-kanak yang masih muda telah pun selesai di mana, seksyen 33A (3) Criminal Justice Act 1991 memperuntukkan ia adalah kanak-kanak yang berumur di bawah 14 tahun.

Kenapa Keterangan Kanak-Kanak Perlu Disokong?

Mahkamah di dalam kes *Kesavan a/l Senderan*³³ telah menerangkan mengenai keperluan keterangan sokongan bagi kategori saksi-saksi yang tertentu. Menurut mahkamah di dalam kes-kes rakan sejenayah, sokongan diperlukan kerana

²⁷ *Ibid*

²⁸ Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) mendefinisikan ‘kanak-kanak’ sebagai mereka yang berada di bawah 18 tahun.

²⁹ Lihat nota 6.

³⁰ Lihat nota 20.

³¹ Lihat nota 14.

³² [1977] 1 MLJ 174

³³ Lihat nota 24.

terdapat kebarangkalian saksi berkenaan akan menyalahkan rakannya. Manakala di dalam kes seksual, keterangan sokongan diperlukan kerana terdapat kebarangkalian dakwaan rogol itu diada-adakan kerana disebabkan pasangannya memungkiri janji untuk berkahwin. Menurut mahkamah:

The point made is that the court should consider carefully the surrounding circumstances of the case in deciding how much corroboration it would require, to satisfy itself that there are no other motives for the allegations.

Manakala bagi kanak-kanak adalah jelas hujah yang digunakan adalah kanak-kanak tidak dapat membezakan di antara fantasi dan realiti.³⁴ Prinsip mengenai keterangan kanak-kanak di dalam *common law* telah dinyatakan di dalam kes *R v Brasier*:³⁵

No testimony whatever can be legally received except upon oath and an infant, through under the age of seven years, may be sworn in a criminal prosecution, provided such infant appears, on strict examinations by the court, to possess a sufficient knowledge of the nature and consequences of an oath, for there us no precise or fixed rule as to the time within which infants are excluded from giving evidence, but the admisiblity of their evidence depends upon the sense and reason they entertain of the danger and impiety of falsehood, which is to be collected for their answers to questions proposed to them by the court, but if they are found incompetent to take an oath their evidence cannot received.

Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat keadaan di mana kanak-kanak yang masih muda ini diajar untuk memberi keterangan di mahkamah oleh pihak ketiga. Di dalam keadaan ini, adalah wajar mahkamah berhati-hati. Sebagai contoh di dalam kes *Yusaini Mat Adam v Public Prosecutor*,³⁶ mahkamah menyatakan:

It is disquieting to observe that the child might have rehearsed the evidence she was to give in court or coached to give the sworn evidence by her mother's sister, SP2. During cross-examination the child witness said:

Saya ada bincang dengan mak cik tentang perkara ini. Saya setuju apa saya cakap di mahkamah inilah mak cik yang suruh ... mak cik yang suruh saya buat. Mak cik dan bapa tiri ada bergaduh ...

The next day, during examination-in-chief, she changed the story:

Semalam saya tak faham soalan. Tak betul makcik dan pakcik suruh cakap begini di mahkamah

³⁴ Lihat juga kes *Tham Kai Yau v Public Prosecutor* [1977] 1 MLJ 174.

³⁵ 168 ER 202.

³⁶ Lihat nota 20.

Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna saksi-saksi yang terdiri daripada orang dewasa tidak terlibat dengan memberi keterangan palsu.³⁷ Mahkamah di dalam kes *Mohd Terang bin Amit v Public Prosecutor*³⁸ menyatakan:

Fantasy is not exclusive domain of children but of adults as well. As for the children, very much depends on the environment they live in. Some children shoulder very heavy responsibilities at a very young age, like looking after their younger brothers and sisters, including preparing food for them and working to help supplement their family's income. Such children live in a world of harsh reality with hardly anytime for fantasy. Mentally they matured faster and more objective than other children of the same age but not similarly circumstanced. The present generation of children receive a system of education that is very different from the time of the case of *Chao Chong v Public Prosecutor*. The lessons of children of nowadays include objective tests. They are taught to think objectively and not to repeat things parrot like. Therefore, though it may be true that generally children some forty years ago had the tendencies mentioned in *Chao Chong v Public Prosecutor*, I am in grave doubt as to whether that is true of the present generation of children. A fortiori where the education today emphasises so much on religion and on moral education that children are taught constantly what is morally right and wrong and what is the truth and what is not. Therefore, in my view, it is unfair to still attach to the present generation of children the stigma that was said in *Chao Chong & Ors v Public Prosecutor* some forty years ago.

Menurut Andrew & Hirst:

It is increasingly becoming a cause for concern, in cases involving sexual and/or violent crimes against children, that too many prosecutions were failing, even in cases of fairly clear guilt. There were at least for identifiable reasons for this. In some cases, the competence rules disqualified the children concerned from giving evidence at all, namely where they failed to pass courtroom 'examinations' requiring proven understanding of the concept of truthfulness. If the test was passed, the child's ordeal as a witness was still made far more difficult than it should have been. Children were usually propelled unprepared and unprotected into the intimidating atmosphere of a formal criminal trial, where they often failed to come up to proof. In many cases their evidence had to be corroborated by other evidence before convictions could be based upon it, or was subjected to a corroboration warning, under which the jury would be told that it would be dangerous for them to rely on that evidence alone. Finally, the similar fact rule as construed in cases such as *R v Inder* [1977] Cr. App. R 143, worked against the victims of serial child sex abuse, preventing the various victims stories in all but the most strikingly similar of cases.

³⁷ Lihat kes *Sharma Kumari a/p Oam Prakash v Public Prosecutor* [2000] 6 MLJ 790

³⁸ [1999] 1 MLJ 154

Hala Tuju Keterangan Kanak-Kanak

Persoalannya ialah adakah peruntukan seksyen 133A Akta 56 berkenaan keterangan kanak-kanak tanpa sumpah masih lagi relevan pada hari ini? Di hujahkan adalah tidak tepat untuk menyatakan kanak-kanak suka berfantasi. Sekiranya di katakan kanak-kanak yang masih muda tidak dapat membezakan di antara fantasi dan realiti atau bercakap tidak benar, terdapat kajian yang menunjukkan sebaliknya. Kajian terdahulu menunjukkan di dalam kes-kes di mana terdapat motivasi untuk menipu, maka kanak-kanak yang muda adalah lebih *credible* daripada kanak-kanak yang lebih dewasa.³⁹ Walau bagaimanapun, di dalam kes-kes di mana tidak ada motivasi untuk menipu, maka kredibiliti kanak-kanak yang lebih dewasa mengatasi kanak-kanak yang lebih muda.⁴⁰

Seksyen 133A Akta Keterangan 1950 (Akta 56) adalah *imparimateria* dengan seksyen 38 The Children and Young Persons Act 1933 (UK). Walau bagaimanapun, seksyen 34 Criminal Justice Act 1988 telah memansuhkan keperluan untuk mendapatkan keterangan sokongan apabila kanak-kanak memberi keterangan.⁴¹ Pada tahun 1991, pindaan telah dilakukan oleh Criminal Justice Act 1991 mengenai isu kompetensi saksi kanak-kanak. Seksyen 52 Criminal Justice Act 1991 memperuntukkan:

52.— (1) After section 33 of the 1988 Act there shall be inserted the following section—

33A. (1) A child's evidence in criminal proceedings shall be given unsworn.
(2) A deposition of a child's unsworn evidence may be taken for the purposes of criminal proceedings as if that evidence had been given on oath.
(3) In this section "child" means a person under fourteen years of age

(2) Subsection (1) of section 38 of the 1933 Act (evidence of child of tender years to be given on oath or in certain circumstances

³⁹ Lihat perbincangan di dalam Michele R McCauley dan Janat Fraser Parker, When will a child be believed? The impact of the victim's age and juror's gender on children's credibility and verdict in a sexual-abuse case, (2001) 25 *Child Abuse & Neglect* 523 - 539 di muka surat 524 - 525

⁴⁰ *Ibid.*

⁴¹ Seksyen 34 Criminal Justice Act 1988 memperuntukkan:

- (1) The proviso to subsection (1) of section 38 of the Children and Young Persons Act 1933 (under which, where the unsworn evidence of a child of tender years admitted by virtue of that section is given on behalf of the prosecution, the accused is not liable to be convicted unless that evidence is corroborated by some other material evidence in support thereof implicating him) shall cease to have effect.
- (2) Any requirement whereby at a trial on indictment it is obligatory for the court to give the jury a warning about convicting the accused on the uncorroborated evidence of a child is abrogated in relation to cases where such a warning is required by reason only that the evidence is the evidence of a child.
- (3) Unsworn evidence admitted by virtue of section 38 of the [1933 c. 12.] Children and Young Persons Act 1933 may corroborate evidence (sworn or unsworn) given by any other person.

unsworn) shall cease to have effect; and accordingly the power of the court in any criminal proceedings to determine that a particular person is not competent to give evidence shall apply to children of tender years as it applies to other persons.

Di New Zealand, kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke atas dibenarkan memberi keterangan di atas sumpah. Seksyen 77 The Evidence Act 2006 memperuntukkan:

- (1) A witness in a proceeding who is of or over the age of 12 years must take an oath or make an affirmation before giving evidence.
- 2) A witness in a proceeding who is under the age of 12 years—
 - (a) must be informed by the Judge of the importance of telling the truth and not telling lies; and
 - (b) must, after being given that information, make a promise to tell the truth, before giving evidence.

Walau bagaimanapun, Akta Keterangan 1950 (Akta 56) masih mengekalkan keperluan untuk mendapatkan keterangan sokongan di dalam kes kanak-kanak yang memberi keterangan tanpa sumpah. Mahkamah di dalam kes *Yusaini Mat Adam v Public Prosecutor*⁴² menyatakan:

Section 38 of the English Children and Young Persons Act 1933 has been repealed and replaced by some other law and perhaps it is time to study why it was repealed and whether we should do the same to our s 133A of the Evidence Act 1950 bearing in mind, too, the experience of other Commonwealth countries on the matter of children's evidence in court and also that in our judicial system jury trials have been abolished. In addition, rules relating to corroboration need a re-look and the necessity for the examination procedures of child witnesses to be child-friendly need to be taken into account.

Pada masa yang sama, dihujahkan, ‘kata-kata hikmat’ mengenai keterangan kanak-kanak seperti yang dinyatakan di dalam kes *Chao Chong*⁴³ adalah tidak relevan pada masa kini. Kes *Chao Chong*⁴⁴ telah diputuskan pada tahun 1960 di mana keupayaan kanak-kanak pada masa berkenaan adalah berbeza dengan kanak-kanak pada masa sekarang. Mahkamah di dalam kes *Kesavan a/l Senderan*⁴⁵ menyatakan:

It is often said that children are prone to a fertile imagination. They may not understand the nature of an oath. For these reasons, prudence requires that their testimony be corroborated before being acted upon. But it is only a rule of prudence, and not a hard and fast rule. Children these days, no longer brought up on a reading diet of fairy tales, but of seeing motion images before their eyes on television or in the cinema, are much less active in imagination and more adept in describing what they perceive from their senses. Indeed, their childlike innocence may

⁴² Lihat nota 20.

⁴³ Lihat nota 12.

⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ Lihat nota 24.

enable them to describe an un-embellished truth as well as a truthful adult. It would be wrong therefore to reject summarily a child's testimony whenever there is no corroboration. It would be an injustice to the child, whose faith in the system of justice and even in himself may well be destroyed. The court must always consider the whole of the surrounding circumstances. The court must not simply dismiss his evidence but must go on to consider the evidence of that child witness with utmost care. If the court finds no reason why the child should not be believed, it may act upon his testimony even if there is no corroboration, provided of course it has at all times kept in mind the danger of acting on un-corroborated testimony alone.

Di dalam laporan yang disediakan oleh The Law Reform Commission Ireland pada 1989:⁴⁶

Children do not consistently confuse fantasy with realities. It is very unusual for children to fabricate completely a services of events or to fantasize about a sexual assault. The few documented cases reveal a host of undesirable interviewing practises. Children do sometimes recall details that were not actually part of an event, a phenomenon known as 'elaborated recall'. However this may be a greater problem with adults and older children who tend to draw inferences from what they experience. For example, adults are more likely than young children to recall that a room became dark when told that a light-switch was turned off.

Manakala Hakim Abd Aziz yang menyampaikan penghakiman menentang di dalam kes *Public Prosecutor v Richard Devadasan a/l Sabariah* menyatakan:⁴⁷

The kind of incident that the boy Ricknesvaran related was not, considering the circumstances, the kind of incident that is produced by the action of fantasy on an ordinary child's mind from some other incident.

Di dalam kes ini, peraya telah dituduh dengan kesalahan membunuh. Di antara saksi yang memberi keterangan adalah anak si mati yang berumur 13 tahun semasa memberi keterangan. Menurut saksi ini, jarak beliau dengan tempat kejadian hanyalah 1 meter. Pada masa kejadian, terdapat dua orang yang menceroboh rumahnya. Seorang daripada mereka telah menyerang bapanya dengan menggunakan topi keledar sebanyak tiga kali.

Menurut Hakim Abd. Aziz lagi, ia adalah satu pertimbangan yang tidak wajar sekiranya mahkamah mengesyaki kebenaran keterangan kanak-kanak berdasarkan anggapan 'fantasy consideration' iaitu saksi adalah seorang kanak-kanak dan beliau mungkin mengandaikan perkara-perkara yang mungkin tidak berlaku.

⁴⁶ Consultation Paper on Child Sexual Abuse - The Law Reform Commission, Ireland, 1989.

⁴⁷ Lihat nota 14.